

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR – BN UMNO ]

**TARIKH :** 1 OGOS 2017

**SOALAN :** 51

**Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta PERDANA MENTERI menyatakan penguatkuasaan dan tanggungjawab Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) yang menjadi agensi tunggal dalam mengkoordinasikan semua agensi yang menguruskan ancaman keselamatan siber dengan meletakkan semua pakar keselamatan siber di bawah satu agensi induk.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan bahawa pendekatan terbaik bagi memantapkan pengurusan keselamatan dan ancaman siber kepada negara adalah melalui penubuhan satu agensi peneraju yang bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan siber. Sehubungan itu, Kerajaan menubuhkan Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency – NACSA) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menumpukan usaha mempertingkatkan kesiapsiagaan keselamatan siber negara dengan mengumpulkan pakar-pakar keselamatan siber di bawah satu bumbung. NACSA akan menggembangkan sumber-sumber secara berpusat bagi memperkuuhkan tindakan menangani ancaman siber yang merangkumi:

- i. pembangunan dan pelaksanaan dasar serta strategi pengurusan keselamatan siber negara;
- ii. pelaksanaan tindakan strategik menangani ancaman siber;
- iii. perlindungan ke atas sistem kritikal negara; dan
- iv. pembudayaan dan pembangunan keupayaan.

NACSA juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan perancangan strategik dan pelaksanaan tindakan bersepadu ke atas jenayah siber, pengurusan risiko keselamatan siber, pengurusan sumber optimum melalui pemusatan kepakaran dan pembangunan sistem aplikasi berkaitan keselamatan siber yang bersepadu dan

merentas pelbagai agensi. Selain itu, NACSA turut berperanan sebagai agensi utama dalam menjalin kerjasama strategik di peringkat antarabangsa dalam bidang keselamatan siber.

Pada ketika ini, NACSA tidak akan melaksanakan penguatkuasaan serta pendakwaan kes-kes jenayah siber tetapi akan menumpukan kepada usaha untuk menangani jenayah siber yang memberi impak kepada keselamatan negara menggunakan kuasa agensi-agensi penguatkuasaan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN (52)****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 OGOS 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH  
[ SETIU ]

SOALAN :

**YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan beberapa faktor yang akan memberikan risiko kepada ekonomi dalam jangka panjang walaupun Malaysia kini merekodkan pertumbuhan kukuh pelaburan langsung asing yang stabil dan juga mempunyai asas makro ekonomi yang sihat.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mencapai kestabilan ekonomi yang mapan dengan pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 6.1 peratus setahun bagi tempoh 1971 hingga 2016 dengan kadar inflasi yang kurang daripada 4 peratus. Di samping itu, negara juga menikmati tahap guna tenaga penuh semenjak 1992. Berasaskan pertumbuhannya yang dinamik dan persekitaran ekonomi yang stabil, Malaysia juga mampu menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang mencecah RM47.2 bilion bagi tahun 2016. Bagi suku pertama 2017 pula, FDI juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM17.0 bilion berbanding RM15.6 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2016.

Antara faktor risiko yang dihadapi oleh negara ini dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mapan ialah tahap produktiviti pekerja yang masih rendah berbanding dengan negara-negara maju dan beberapa negara membangun. Bagi tempoh 2011-2015, pertumbuhan produktiviti pekerja hanyalah 1.8 peratus berbanding pertumbuhan KDNK sebanyak

5.3 peratus. Berdasarkan Blueprint Produktiviti Malaysia yang baru dilancarkan pada Mei 2017, Kerajaan telah menetapkan sasaran pertumbuhan minimum produktiviti pekerja pada kadar 3.7 peratus setahun bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11).

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka yang mana jumlah sektor luaran berbanding KDNK bagi tahun 2016 ialah 128.6 peratus. Oleh itu, ketidaktentuan ekonomi dunia merupakan salah satu faktor risiko. Namun dengan asas ekonomi yang kukuh dan pelbagai, Malaysia masih mampu mengecap pertumbuhan ekonomi yang positif. Ini dibuktikan dalam tempoh 2016, di mana pertumbuhan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus dalam ketidaktentuan ekonomi dunia.

Bagi melindungi ekonomi Malaysia daripada kesan risiko dan mengekalkan momentum pertumbuhan serta meningkatkan daya ketahanan ekonomi negara seperti yang disasarkan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah, antara lain melaksanakan dasar-dasar

struktur seperti inisiatif meningkatkan lagi tahap produktiviti pekerja, mempelbagaikan aktiviti ekonomi, meningkatkan hubungan baik dengan negara-negara ekonomi utama, menstabilkan pasaran kewangan, menyokong aktiviti perniagaan, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan integriti institusi awam dan swasta bagi mengekalkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

1 Ogos 2017